

Kami Sedia Membantu

Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



DEMI ANDA, KAMI SEDIA MEMBANTU

Kementerian Kesihatan berazam untuk menguatkan lagi komitmen ke arah perubahan yang lebih positif bagi memastikan pelanggan kami selesa dan berpuashati

VISI KAMI

Negara menggembeng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI KAMI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama :

- **untuk memudahkan dan membolehkan rakyat :**
 - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- **untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti, iaitu :**
 - mengutamakan pelanggan
 - saksama
 - tidak membebankan
 - cekap
 - wajar mengikut teknologi
 - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - inovatif
- **dengan menekankan**
 - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - sifat menghormati maruah insan
 - penglibatan masyarakat

MOTO PENERAPAN BUDAYA KORPORAT DAN NILAI-NILAI MURNI

KAMI SEDIA MEMBANTU :-

KAMI - Semua warga Kementerian Kesihatan bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama

SEDIA - Sentiasa bersiap sedia untuk member perkhidmatan secara profesional

MEMBANTU - Ikhlas semasa memberi bantuan dan menjalankan tugas

NILAI-NILAI TERAS KAMI

Penyayang



Kami komited untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. kami bersedia untuk memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan

Profesionalisme



Kami komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberi perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat

Kerja Berpasukan



Kami komited untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama

JANJI KAMI

Kami Sedia Membantu

- **kami komited terhadap keperluan anda**
memastikan perkhidmatan yang adil, mesra, rasa hormat dan prihatin
- **kami melaksanakan apa yang dirancang**
menjanjikan anda tahap profesionalisme yang tinggi dalam segala urusan penyampaian perkhidmatan
- **kami berdedikasi terhadap tugas**
bekerjasama untuk mengukuhkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan

KOMITMEN KAMI

Kami Komited memberikan perkhidmatan kepada setiap pesakit dengan penuh rasa kemesraan, kejujuran dan keikhlasan

Kami Komited memberi perkhidmatan yang efektif dengan siakp profesional, tekun, mudah didekai dan bersopan santun

Kami Komited bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa efisien, efektif dan produktif

IKRAR BUDAYA KORPORAT KKM



Bahawasanya kami, warga kerja KKM, **BERIKRAR** :

- memberi perkhidmatan yang terbaik, mesra dan professional
- memberi layanan secara saksama tanpa mengira pangkat, bangsa dan agama
- bekerja sebagai satu pasukan yang efisien, efektif dan produktif
- sedia membantu dengan ikhlas dan bertanggungjawab serta
- komited untuk mencapai matlamat kementerian

LAGU BUDAYA KORPORAT “KAMI SEDIA MEMBANTU”

KAMI SEDIA MEMBANTU

Bangsa yang sihat aset negara
Kualiti hidup dipelihara
Berpasukan berganding tangan
Pertingkatkan taraf kesihatan

Secara professional khidmat diberi
Kecemerlangan matlamat kami
Di manapun jua, disetiap waktu
Kami sedia membantu

Kami penyayang pada semua
Bagi kami tiada beza
Bertanggungjawab amalan kita
Kesihatan dan maruah dijaga

Lagu : Fauzi Marzuki
Lirik : Habsah Hassan